

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan menjelaskan kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat berikutan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) (Pindaan) 2017 [P.U.(A)163/2017].

DEFINISI

2. Bagi maksud garis panduan ini:

‘**Gred terdahulu**’ bermaksud gred hakiki terakhir pegawai sebelum dinaikkan pangkat; dan

‘**Gaji akhir**’ bermaksud gaji yang diterima di gred terdahulu yang akan digunakan untuk tujuan penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat. Gaji akhir ini adalah gaji yang telah mengambil kira Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pada tahun kenaikan pangkat (meliputi PGT yang telah diawalkan berikutan daripada kenaikan pangkat).

DASAR BAHARU

3. Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat telah ditambah baik mengikut kaedah baharu iaitu gaji akhir di gred terdahulu hendaklah ditambah dengan –

- (i) kadar kenaikan gaji tahunan di gred kenaikan pangkat¹; atau
 - (ii) kadar kenaikan gaji tahunan terakhir diterima di gred terdahulu² mengikut mana yang lebih tinggi, mulai tarikh kenaikan pangkatnya.
4. Pelaksanaan penetapan gaji permulaan ini melibatkan pegawai yang **tarikh kenaikan pangkatnya** berkuat kuasa **mulai 1 Mei 2017**.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT

5. Selaras dengan dasar baharu ini, gaji permulaan bagi seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah ditetapkan pada **amaun gaji yang lebih tinggi daripada amaun gaji akhir di gred terdahulu** seperti berikut:

- 5.1 gaji akhir di gred terdahulu hendaklah ditambah dengan -
 - (i) kadar kenaikan gaji tahunan di gred kenaikan pangkat; atau
 - (ii) kadar kenaikan gaji tahunan terakhir diterima di gred terdahulu, mengikut mana yang lebih tinggi, mulai tarikh kenaikan pangkatnya.
- 5.2 selepas penambahan gaji akhir di gred terdahulu di perenggan 5.1, sekiranya amaun gaji adalah lebih rendah daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat, maka gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai hendaklah ditetapkan pada gaji minimum di gred kenaikan pangkat.
- 5.3 jika seseorang pegawai dinaikkan pangkat sebelum atau sama dengan tarikh pergerakan gaji pegawai dalam jawatan terdahulunya, pergerakan gaji jawatan terdahulunya, jika ada,

¹ bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi mengikut kadar yang ditetapkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang dikira daripada gaji minimum gred kenaikan pangkat.

² bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi mengikut kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang dikira daripada gaji akhir pegawai (terhad kepada gaji maksimum).

hendaklah diberi terlebih dahulu sebelum menentukan gaji permulaan dalam jawatan kenaikan pangkat.

6. Sekiranya selepas ditetapkan gaji kenaikan pangkat seperti di perenggan 5 di atas, gaji permulaan kenaikan pangkat lebih tinggi daripada gaji maksimum di gred kenaikan pangkat, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan) untuk diwujudkan gaji secara Khas Untuk Penyandang (KUP).
7. Bagi pegawai yang gaji akhirnya di gred terdahulu telah melepas gaji maksimum, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Perkhidmatan).
8. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

Contoh 1 :

Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Atau Sama Dengan Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) di Gred Terdahulu

Pegawai dinaikkan pangkat pada 12 Mei 2017. TPG di gred terdahulu ialah pada 1 Julai. PGT diawalkan kerana tarikh kenaikan pangkat sebelum TPG.

Penentuan amaun gaji akhir gred terdahulu


1. Pemberian PGT diawalkan di gred terdahulu

$$\boxed{\text{Gaji hakiki sehari sebelum kenaikan pangkat}} + \boxed{\text{Kadar KGT Gred Terdahulu}} = \boxed{\text{Jumlah Gaji Akhir}}$$

2. Pengiraan gaji permulaan kenaikan pangkat

$$\boxed{\text{Jumlah Gaji Akhir}} + \boxed{\text{Kadar KGT Gred Naik Pangkat atau KGT Gred Terdahulu, mana lebih tinggi}} = \boxed{\text{Jumlah Gaji Naik Pangkat}}$$

Simulasi : Dengan andaian kadar KGT gred naik pangkat lebih tinggi dari kadar KGT gred terdahulu



Contoh 2 :


Tarikh Kenaikan Pangkat Selepas TPG di Gred Terdahulu

Pegawai telah dinaikkan pangkat pada 22 Jun 2017. TPG di gred terdahulu ialah pada 1 Januari. Tiada PGT diawalkan kerana tarikh naik pangkat selepas TPG.

1. Pengiraan gaji permulaan kenaikan pangkat

$$\boxed{\text{Gaji akhir sehari sebelum kenaikan pangkat}} + \boxed{\text{Kadar KGT Gred Naik Pangkat atau KGT Gred Terdahulu, mana lebih tinggi}} = \boxed{\text{Jumlah Gaji Naik Pangkat}}$$

Simulasi : Dengan andaian kadar KGT gred terdahulu lebih tinggi dari kadar KGT gred naik pangkat.



PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT DENGAN ELAUN PEMANGKUAN

9. Pemakluman mengenai kelulusan kenaikan pangkat adalah dibuat melalui surat penyiaran kenaikan pangkat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan. Oleh itu, bayaran elaun pemangkuan bagi pegawai yang memangku hendaklah **dihentikan mulai daripada tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat.**
10. Kaedah pelarasan gaji kenaikan pangkat dengan elaun pemangkuan adalah seperti di **Lampiran A**. Elaun pemangkuan yang dibayar kepada pegawai selepas daripada tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat hendaklah dikutip balik.
11. Bagi apa-apa pelarasan gaji kenaikan pangkat dengan elaun pemangkuan, jika terdapat perbezaan negatif iaitu jumlah pelarasan gaji kenaikan pangkat kurang daripada jumlah elaun pemangkuan yang telah dibayar bagi tempoh mulai tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat sehingga tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat, perbezaan tersebut jika ada, tidak perlu dikutip balik daripada pegawai berkenaan. Manakala jika ada perbezaan yang positif, iaitu jumlah pelarasan gaji kenaikan pangkat melebihi daripada jumlah elaun pemangkuan, Jabatan hendaklah membayar perbezaan tersebut kepada pegawai.

TARIKH KUAT KUASA

12. Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2017.

PEMBATALAN

13. Dengan berkuatkuasanya peraturan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2007 - Kaedah Penetapan Gaji Permulaan dan Pelarasian Gaji Kenaikan Pangkat dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2008 – Kaedah Pelarasian Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Elaun Pemangkuhan adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan peraturan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
PUTRAJAYA

5 September 2017

Lampiran A

**KAEDAH PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT DENGAN
ELAUN PEMANGKUAN**

Tarikh Kuat Kuasa Kenaikan Pangkat Dikebelakangkan Pada Tarikh Pemangkuan
Contoh 1 : Pegawai Undang-Undang Gred L48 dinaikkan pangkat ke Gred L52

TPG Gred L48	:	1 Julai
Tarikh Pemangkuan	:	2 Ogos 2017
Tarikh Kenaikan Pangkat	:	2 Ogos 2017
Tarikh Surat Penyiaran	:	30 November 2018
KGT Gred L48	:	RM270.00
KGT Gred L52	:	RM290.00

Jadual A – Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat

Tarikh	Gred/ Gaji		Catatan
	L48 (RM)	L52 (RM)	
1.7.2017	7,783.00 (7,513.00 + 270.00)	-	Diberi Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.8.2017	7,783.00	-	Amaun gaji pegawai sehari sebelum memangku .
2.8.2017	7,783.00	8,073.00 (7,783.00 + 290.00)	<ul style="list-style-type: none">▪ Penentuan gaji permulaan kenaikan pangkat.▪ Tarikh kenaikan pangkat ke Gred L52. Gaji Gred L48 ditambah dengan kadar KGT Gred L52 kerana kadar KGT Gred L52 lebih tinggi daripada kadar KGT Gred L48.▪ TPG baharu pada 1 Julai mengikut tarikh kenaikan pangkat.
1.7.2018	8,053.00 (7,783.00 + 270.00)	8,363.00 (8,073.00 + 290.00)	PGT di gred jawatan terdahulu dan gred kenaikan pangkat. (Diluluskan pergerakan Gaji biasa Mengikut Keputusan PPSM)
30.11.2018	8,053.00	8,363.00	Tarikh Surat Penyiaran kenaikan pangkat ke Gred L52

Jadual B : Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Elaun Pemangkuan Sehingga Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	Gred L48 (telah diterima)	Gred L52 (patut terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
2.8.2017 hingga 31.8.2017	7,783.00	8,073.00	290.00	30/31 hari	280.65	290.00	280.65	0
1.9.2017 hingga 31.12.2017	7,783.00	8,073.00	290.00	4 bulan	1160.00	290.00	1160.00	0
1.1.2018 hingga 30.6.2018	7,783.00	8,073.00	290.00	6 bulan	1,740.00	290.00	1,740.00	0
1.7.2018 hingga 30.11.2018	8,053.00	8,363.00	310.00	5 bulan	1,550.00	290.00	1,450.00	100.00
JUMLAH					4,730.65		4,630.65	100.00

Jadual C : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangku Selepas Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangku (RM)		Perbezaan Gaji Dengan Elaun Pemangku (RM)
	Gred L48 (telah diterima)	Gred L52 (patut terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a)	(b)	(c)	(d) = (c) - (b)	(e)	(f) = (d) x (e)	(g)	(h) = (g) x (e)	(i) = (f) - (h)
1.12.2018 hingga 31.12.2018	8,053.00	8,363.00	310.00	1 bulan	310.00	290.00	290.00	0
JUMLAH					310.00		290.00	20.00

KAEDAH PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT DAN ELAUN PEMANGKUAN

Tarikh Kuat Kuasa Kenaikan Pangkat Satu (1) Tahun Selepas Tarikh Pemangkuan

Contoh 2 : Jurutera Gred J52 dinaikkan pangkat ke J54

TPG Gred J52	: 1 April
Tarikh Pemangkuan	: 22 Jun 2016
Tarikh Kenaikan Pangkat	: 22 Jun 2017
Tarikh Surat Penyiaran	: 30 September 2017
Kadar KGT Gred J52	: RM290.00
Kadar KGT Gred J54	: RM320.00

Jadual A – Penetapan Gaji Kenaikan Pangkat

Tarikh	Gred/ Gaji		Catatan
	J52 (RM)	J54 (RM)	
21.6.2016	11,332.00	-	Gaji pegawai sehari sebelum memangku.
22.6.2016	11,332.00	-	Diberi pemangkuan ke Gred J54
1.4.2017	11,622.00 (11,332.00 + 290.00)	-	TPG Di Gred Jawatan Asal. (Diluluskan pergerakan Gaji biasa Mengikut Keputusan PPSM)
22.6.2017	11,622.00	11,942.00 (11,622 + 320.00)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penentuan gaji permulaan kenaikan pangkat. ▪ Tarikh kenaikan pangkat ke Gred J54. Gaji Gred J52 ditambah dengan kadar KGT Gred J54 kerana kadar KGT Gred J54 lebih tinggi daripada kadar KGT Gred J52.
30.9.2017	11,622.00	11,942.00	Tarikh Surat Penyiaran kenaikan pangkat ke Gred J54.

Jadual B : Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Elaun Pemangkuan Sehingga Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji (RM)					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	Gred J52 (telah diterima)	Gred J54 (patut terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun	Jumlah	
(a) (b) (c) (d) = (c) - (b) (e) (f) = (d) x (e) (g) (h) = (g) x (e) (i) = (f) - (h)								
22.6.2017 hingga 30.6.2017	11,622.00	11,942.00	320.00	9/30 hari	96.00	320.00	96.00	0
1.7.2017 hingga 30.9.2017	11,622.00	11,942.00	320.00	3 bulan	960.00	320.00	960.00	0
JUMLAH					1056.00		1056.00	0

Jadual C : Pelarasan Gaji Dengan Elaun Pemangkuan Selepas Tarikh Surat Penyiaran

Tarikh	Gaji					Elaun Pemangkuan (RM)		Perbezaan Gaji dengan Elaun Pemangkuan (RM)
	Gred J52 (telah diterima)	Gred J54 (patut terima)	Pelarasan	Tempoh	Jumlah	Amaun Sebulan	Jumlah	
(a) (b) (c) (d) = (c) - (b) (e) (f) = (d) x (e) (g) (h) = (g) x (e) (i) = (f) - (h)								
1.9.2017 hingga 30.9.2017	11,622.00	11,942.00	320.00	1 bulan	320.00	320.00	320.00	0
JUMLAH					320.00		320.00	0